

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Thursday, 27 July, 2017 3:45 PM
To: UUM - All Staff
Subject: HUBUNGAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA NCRC-UUM DAN IDR PERAK TERJALIN MELALUI PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF IDR SEBAGAI FELO ADJUNG NCRC



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

RESEARCH CENTRE
NORTHERN CORRIDOR

Universiti Utara Malaysia

KHAMIS, 27 JULAI 2017 | 3 ZULKAEDAH 1438H
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



HUBUNGAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA NCRC-UUM DAN IDR PERAK TERJALIN MELALUI PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF IDR SEBAGAI FELO ADJUNG NCRC

NCRC ONLINE: Northern Corridor Research Centre (NCRC) yang diketuai oleh Prof. Dr. Rohana Yusof, Pengarah NCRC telah mengadakan satu lawatan kerja ke Institut Darul Ridzuan (IDR) pada 25 Julai 2017 bertempat di Ipoh, Perak.

Kehadiran pasukan NCRC disambut mesra oleh Ketua Pegawai Eksekutif IDR, Dr. Mazalan Kamis. Matlamat utama lawatan kerja ini adalah untuk mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Dr. Mazalan Kamis sebagai Felo Adjung NCRC yang baru berkuatkuasa 1 Julai 2017 hingga 30 Jun 2019. Selain mengeratkan hubungan antara institusi, lawatan ini juga membincangkan ruang dan peluang jalinan kolaborasi baru bersama IDR yang diterajui oleh Dr. Mazalan Kamis sejak tahun 2014.

IDR adalah sebuah pusat *think tank* polisi awam kepada Kerajaan Negeri Perak. IDR telah dimulakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak, dalam usahanya untuk mengubah Perak menjadi negeri yang maju – sebuah visi yang dibentangkan dan diperjelaskan dalam pelan tindakan Perak Amanjaya.

Dalam lawatan tersebut, Dr. Mazalan telah berkongsi pengalaman beliau dalam membangunkan IDR. Sebagai seorang yang pakar dalam strategi lautan Biru, banyak perubahan yang telah beliau lakukan sehingga hari ni IDR berjaya menjadi sebuah pusat *think-tank* yang berdaya maju dan ternama dengan penganjuran forum bertaraf antarabangsa, *Pangkor Dialogue 2017*.

Sebagai inisiatif, pihak NCRC juga ditawarkan untuk berkolaborasi dalam slot *Perak Festival of Ideas* pada 6 hingga 12 September di mana *Pangkor Dialogue 2017* bakal berlangsung. Disamping itu, pertemuan terarah kepada perbincangan untuk mengadakan siri ceramah beliau sebagai Felo Adjung NCRC. Pertemuan ini juga telah membuka ruang untuk IDR dan NCRC berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang dan projek-projek *Geographic Information System (GIS)* dan sebagainya.

Rombongan NCRC juga dibawa melawat ke sekitar Pejabat IDR yang sangat ceria dan mengagumkan apabila dilengkapi dengan bilik latihan, bilik 'ngeteh', mini gim dan pusat hiburan mini. Turut hadir bersama Prof. Madya Dr. Norehan Abdullah, Timbalan Pengarah NCRC, Prof. Dr. Ravindra Nath Vyas, Pensyarah Pelawat, En. Ridhuan Bos Abdullah, Felo Penyelidik NCRC dan pegawai-pegawai NCRC.

=====

DARIPADA:

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 6559

FAKS: 04-928 6561

E-MEL: ncrc@uum.edu.my

WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.